**Zero To Hero: Ke Arah Membudayakan Penggunaan Bahasa Inggeris Di Kalangan Mahasiswa**

Wijaya Kamal Bin Ramlan
Sharyana Izyani Binti Milham
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan
Universiti Malaysia Sabah

Program Zero to Hero telah diadakan pada 5 November 2024-17 Disember 2024 baru-baru ini. Program ini merupakan kerjasama di antara Kelab Ekonomi Perancangan dan Pembangunan, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah dengan kerjasama Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Terdapat pelbagai pengisian program yang telah dijalankan antaranya termasuklah Podcast Session 1 and 2, Common Abbreviations, TikTok Short Video Contest dan lain-lain lagi. Program selama lebih kurang hampir 1 bulan ini telah menarik minat dan penyertaan daripada mahasiswa Universiti Malaysia Sabah. Terdahulu di dalam ucapan perasmian penutupan program yang disampaikan oleh Prof Madya Dr Mohd Rahimie Abd Karim, Dekan FPEP UMS menyatakan penganjuran program ini bukan saja menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris dengan lebih kerap tetapi sekaligus meningkatkan kemahiran insaniah di kalangan mahasiswa yang menganjurkan program ini dalam masa sama. Timbalan Dekan Pascasiswazah dan Hubungan Antarabangsa PPIB UMS, Prof Madya Dr Mohd Azri Ibrahim di dalam ucapan beliau menyatakan kerjasama ini mencerminkan komitmen bersama semua pihak dalam mencapai matlamat yang sama iaitu meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di dalam bentuk lisan dan bertulis dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Sabah.













